

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 SEPTEMBER 2016

Pertemuan Anwar, Dr. M tiada keikhlasan - TPM

um - 7/9/2016

PUTRAJAYA 6 Sept. - Pertemuan antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam disifatkan sebagai politik terdesak yang tiada keikhlasan, kata Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, walaupun tindakan Dr. Mahathir itu seolah-olah menunjukkannya berjiwa besar, namun niat tersirat adalah semata-mata untuk meraih sokongan daripada pihak pembangkang.

"Beliau (Mahathir) mengetahui bahawa (isu) Akta MKN (Majlis Keselamatan Negara) yang dibawa oleh Datuk Seri Anwar, walaupun mungkin dekat di hati Tun Dr. Mahathir tetapi pada bacaan umum, tujuan tersirat beliau adalah untuk bukan bersetuju dengan Anwar.

"Ia juga bukan bersetuju untuk berkawan seperti mana kenyataan beliau, tetapi mempunyai tujuan politik atas keadaan yang terlalu terdesak bagi mendapat sokongan daripada parti-parti dalam pembangkang untuk menyertai beliau.

"Atas keterdesakan itulah maka perkiraan Dr. Mahathir bertemu dengan Anwar dan umum telah menganggap pertemuan itu adalah pertemuan politik yang tidak mempunyai keikhlasan," katanya selepas majlis perjumpaan bersama

Ia juga bukan bersetuju untuk berkawan seperti mana kenyataan beliau, tetapi mempunyai tujuan politik atas keadaan yang terlalu terdesak bagi mendapat sokongan daripada parti-parti dalam pembangkang untuk menyertai beliau."

AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri

Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurus Syarikat dan Pelanggan Industri Kawalan Keselamatan Negara di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang mana Penasihat PKR itu membuat permohonan injuksi sementara berhubung pelaksanaan Akta MKN.

Dr. Mahathir, bagaimanapun menafikan pertemuannya dengan Anwar sebagai tanda berdamai selepas 18 tahun bekas Timbalan Perdana Menteri itu dipecat daripada Kabinet.